

23 AUG 2002

Mahathir-Belanjawan/I

BELANJAWAN 2003 SERAP STRATEGI BERBEZA UNTUK PEMBANGUNAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan tidak lama lagi merupakan belanjawan baru yang akan menerapkan strategi berbeza untuk pembangunan negara.

Semasa berucap pada majlis makan malam sempena ulangtahun ke-10 Persatuan Malaysia Selatan-Selatan (MASSA) di sini, beliau berharap kalangan perniagaan akan bekerjasama dengan kerajaan untuk menjayakan strategi baru itu.

Dr Mahathir turut memuji kalangan perniagaan Malaysia kerana usaha-usaha mereka meneroka pasaran luar negara yang bukan setakat melebarkan peluang perniagaan tetapi juga membuatkan Malaysia dikenali di serata dunia.

Ini terutamanya dalam penubuhan MASSA oleh kalangan perniagaan pada 1991 yang bertujuan menggalakkan perdagangan dan pelaburan dua hala dengan negara Selatan-Selatan.

Massa ditubuhkan selepas Dr Mahathir mencetuskan idea penubuhannya berikutan lawatan beliau ke Chile, Brazil dan Argentina bersama kalangan perniagaan Malaysia pada Jun 1991.

Dr Mahathir berkata sejak MASSA dilahirkan, ia telah aktif melabur dalam beberapa negara, malah mempunyai bangunan sendiri di banyak negara, termasuk di Santiago, Chile.

Beliau berkata kalangan perniagaan juga telah menyebarkan maklumat mengenai Malaysia dalam perniagaan yang mereka terokai di luar negeri.

"Malaysia merupakan negara yang langsung tidak dikenali sebelum perang dan yang paling kurang dikenali di kalangan negara-negara Asean yang asal iaitu Indonesia, Thailand, Singapura dan Filipina.

Tetapi kini Malaysia lebih dikenali. Kita kini berkembang maju dan menguruskan negara secara aman selain insiden 1997 yang sudah kita atasi."

Beliau berkata Malaysia merupakan pintu masuk kepada kemajuan serta pembangunan yang lebih baik dan masih memerlukan sumbangan daripada kalangan perniagaan.

-- BERNAMA

HK LIB ROS